

Bandar raya perlu infrastruktur ilmu

Budaya pembelajaran wajar diterap di kalangan penduduk: Najib

Oleh Wan Jailani Razak

SHAH ALAM: Datuk Seri Najib Razak menyarankan pembuat dasar dan perancang bandar memastikan setiap pertumbuhan, pembangunan dan kemakmuran bandar raya yang dilakukan ketika ini dan pada masa depan perlu diiringi pengetahuan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia adalah corak yang berulang secara konsisten sejak tamadun masa silam dan tidak dapat dinafikan bandar raya yang berjaya pada masa depan adalah bandar raya berilmu.

Katanya, bandar raya tidak sepatutnya hanya dilihat kepada struktur fizikalnya kerana walaupun tidak dinafikan penting, ia tidak seharusnya dianggap definisi sebenar sebuah bandar raya.

"Bagi saya, sesebuah bandar raya yang ideal adalah yang dapat mendidik warga kotanya. Merancang membangunkan bandar raya pada era ini perlu, yang pertama mempertimbangkan pembinaan infrastruktur fizikal untuk menampung peralihan pengetahuan yang lebih hebat.

"Selain keperluan asas bandar raya seperti jalan, landasan, lebuhraya, bekalan air dan elektrik, bandar raya pada abad ke-21 mesti dileng-

kapi infrastruktur pengetahuan.

"Contohnya, bandar raya sepatutnya merancang untuk menyediakan liputan jalur lebar yang lebih meluas," katanya ketika merasmikan Simposium Antarabangsa 'Knowledge Cities Future of Cities In The Knowledge Based Economy' di sini, malam tadi.

Simposium tahunan itu adalah anjuran kerajaan negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Pertubuhan Perancang Malaysia, Arab Urban Development Institute (Audi) dan Medina City.

Ia julung kali diadakan di luar negara Arab. Audi, dianggotai 22 ne-

“ Dalam pengurusan bandar raya itu sendiri, kita memerlukan mereka yang dilengkapi kemahiran serta pengetahuan bagi menghadapi cabaran dan isu ”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

gara Arab adalah sebuah institut yang membantu Arab Town Organisation (ATO) membuat kajian dan penemuan baru dalam bidang perancangan dan pembangunan.

Seramai 50 peserta dari negara Arab menghadiri simposium tiga hari itu yang disertai pihak berkuasa tempatan, pemaju, perunding dan pertubuhan bukan kerajaan seluruh negara.

Najib berkata, bandar raya juga perlu secara agresif memulakan inisiatif bagi menarik pelaburan bernilai tambah ke bandar raya, yang bukan saja akan membawa peluang pekerjaan tetapi juga pertukaran teknologi dan kemahiran pekerja.

Katanya, pembuat dasar juga perlu mengaitkan ilmu pengetahuan dan budaya pembelajaran dalam setiap polisi perancangan serta pelaksanaan di setiap peringkat termasuk memberi insentif kepada badan swasta yang menggalakkan budaya pembelajaran.

Sebagai pusat inovasi, beliau menjangkakan bandar raya masa depan bersifat kondusif bagi generasi muda memperoleh pengetahuan iaitu sebuah bandar raya yang selesa untuk mereka hidup dan bekerja.

"Hanya dengan pengetahuan dan kemahiran, pentadbiran di bandar akan menjadi lebih berkesan," katanya.